

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI PULAU PINANG**  
**PETISYEN PENCERAIAN NO. 33-295-2011**

Antara

Tan Swee Ean                    ...    Pempetisyen

Dan

1. Adrian Tan Soon Beng

2. Jayna Tang Hui Chin

...    Responden-Responden

**ALASAN PENGHAKIMAN MAHKAMAH**

[1] Petisyen bagi pembubaran perkahwinan ini difailkan oleh pempetisyen isteri bagi memohon untuk mendapatkan perintah-perintah berikut:

- (a) bahawa perkahwinan tersebut dibubarkan;
- (b) hak penjagaan, kawalan dan pemeliharaan anak perkahwinan bernama Andreana Tan Wen Shyn

diberikan kepada pempetisyen dengan hak lawatan yang munasabah tanpa bermalam diberi kepada responden suami;

- (c) responden pertama tidak dibenarkan untuk membawa Andreana Tan Wen Shynke luar negara;
- (d) responden pertama membayar nafkah bagi Andreana Tan Wen Shyn sebanyak RM1,000 sebulan mulai tarikh perintah ini sehingga tamat pengajian ijazah pertama dan dibayar terus oleh defendan pertama dengan memasukkan bayaran tersebut ke dalam akaun simpanan pempetisyen di Mayban yang bernombor 107246105915;
- (e) bahawa responden pertama membayar balik kepada pempetisyen wang sebanyak RM5,000 yang telah dipinjam oleh responden pertama daripada pempetisyen dalam satu bulan daripada tarikh perintah ini;

- (f) bahawa responden pertama menjual asset perkahwinan yang mempunyai alamat di 1-13A-7, Lintah Lembah Permai 4, Tanjung Bungah, Pulau Pinang dan hasil penjualan bersih dibahagikan sama rata antara pempetisyen dan responden pertama;
- (g) bahawa responden kedua dikehendaki membayar ganti rugi kepada pempetisyen;
- (h) tiada perintah mengenai kos;
- (i) lain-lain relif atau perintah yang sesuai dan wajar oleh mahkamah ini.

[2] Asas pempetisyen dalam membawa petisyen ini adalah bahawa perkahwinan pempetisyen dan responden telah menjadi pecah belah disebabkan oleh:

- (a) perlakuan keganasan fizikal yang dilakukan oleh responden pertama ke atas pempetisyen seperti yang dihidkan di perenggan 9.1 dan 9.3 petisyen;

- (b) perlakuan perzinahan (adultery) oleh responden pertama dan responden kedua seperti yang diplidkan di perenggan 10 petisyen ini.

[3] Di atas alasan-alasan tersebut pempetisyen mendapati tidak lagi secara yang munasabah untuk dapat tinggal bersama dengan responden sebagai suami isteri dan dengan itu pempetisyen telah tinggal secara berasingan daripada responden sejak tahun 2009 dengan membawa bersama kanak-kanak perkahwinan (Andreana) tinggal bersamanya. Ketika pemfailan petisyen ini, pempetisyen telah tinggal berasingan lebih daripada dua tahun.

### **Perbicaraan kes**

[4] Perbicaraan penuh kes ini telah dijalankan oleh mahkamah ini. Pempetisyen yang mewakili dirinya sendiri (in person) memberi keterangan sebagai SP1. Keterangan pempetisyen di bawah pemeriksaan utama ditandakan sebagai Lampiran "G" dan Lampiran "H". Wajar disebutkan bahawa pada peringkat awal sebelum kes dibicarakan, pempetisyen diwakili oleh pegawai undang-undang daripada

Jabatan Bantuan Guaman Malaysia, tetapi perwakilan tersebut telah ditarik balik sebelum perbicaraan bermula. Pempetisyen dengan itu mengatakan hasratnya untuk bertindak mewakili dirinya sendiri. Mahkamah ini telah menerangkan kepada pempetisyen jika pempetisyen berhasrat melantik peguam baru dan menjelaskan tatacara terlibat berkaitan tuntutan dan kaedah keterangan yang terpakai jika pempetisyen masih berhasrat mewakili dirinya sendiri. Pempetisyen faham dan telah membuat keputusan untuk mewakili dirinya sendiri bagi tujuan petisyen ini.

### **Keterangan pempetisyen**

[5] Pempetisyen adalah pemegang Ijazah BA Hons., dua Ijazah MBA dan Ijazah Kedoktoran (Ph.D) dari Universiti Sains Malaysia dan seorang yang giat dalam aktiviti khidmat kemasyarakatan khususnya yang melibatkan anak-anak yatim dan rumah orang tua dan juga penempatan orang asli (eksibit P41, P42, P43A, P43B, P44A, P44B, P45A, P45B, P46A, P46B, P47A, P47B, P48A, P48B, P56A, P56B dan P56C - gambar-gambar majlis di Lampiran "C"). Pempetisyen juga kerap mendapat undangan bagi menyertai aktiviti-aktiviti akademik oleh universiti luar negara

khasnya di Jepun di University of Tokyo di mana pempetisyen berkursus di situ dari 30.7.2009 hingga 1.2.2010 (eksibit P49, P49A, P49C, P49D, P49E, P49F). Di dalam tempoh tersebut kanak-kanak perkahwinan bernama Andreana Tan turut menyertai pempetisyen (eksibit gambar-gambar P49G, P49H, P49I, P49J, P49K, P49L, P49M, P49Q, P49R). Pempetisyen juga pernah mendapat pembiayaan oleh Japan Foundation di bawah program Special Invitation Programme for Graduate Students bagi tempoh tiga bulan dengan pembiayaan “stipend” bulanan sebanyak Y310,000 pada tahun 2008 dan tambahan enam bulan lagi pada tahun 2009 (eksibit P63A dan P63B). Pada tahun 2011 pempetisyen juga mendapat pembiayaan gran sebanyak Y440,000 daripada The Sumitomo Foundation bagi penyertaan menjalankan kajian bertajuk “The Dynamic Research and Development (R&D) Fuction in Japanese Electronics and Electrical (E&E) Industry in Asia : A Case Study in Malaysia” (eksibit “P67”). Di atas kelayakan akademik yang dimiliki oleh pempetisyen dan pengetahuan meluas dalam aktiviti kemasyarakatan dan kekeluargaan, mahkamah berpuas hati bahawa pempetisyen mampu mewakili dirinya sendiri dalam prosiding ini. Kemampuan pempetisyen tersebut dapat dilihat daripada kertas-kertas

kausa yang difailkan oleh beliau dan semasa beliau melakukan pemeriksaan balas yang panjang lebar ke atas setiap saksi responden-responden. Pempetisyen kini berumur lebih kurang 37 tahun dan bekerja sebagai penyelidik (researcher). Responden pertama (suami) pula berumur 40 tahun dan bekerja sebagai Real Estate Agent sejak tahun 2003. Sebelum itu responden pertama bekerja di hotel di Singapura. Responden pertama berkelulusan Sijil Persekolahan Malaysia (SPM).

[6] Pempetisyen dan responden pertama telah berkahwin pada 6.1.1999 (eksibit "TSE"-1" Lampiran 2). Selepas perkahwinan pempetisyen dan responden tinggal bersama di alamat No. 1D-08-05, Sunny Ville, Batu Uban, 11700 Pulau Pinang. Selepas itu mereka tinggal bersama di alamat terakhir No. 22B-8-G, Greenlane Park, Solok Tembaga, 11600 Georgetown, Pulau Pinang iaitu rumah milik emak pempetisyen bernama Beh Gaik Lean (SD2). Hasil daripada perkahwinan itu pempetisyen dan responden pertama mendapat seorang anak perempuan bernama Andreana Tan Wen Shyn yang lahir pada 20.7.1999 (eksibit "TSE-2 Lampiran 2). Kanak-kanak kini berumur lebih kurang 13 tahun dan tinggal bersama pempetisyen. Bagaimana pun

disebabkan berlakunya perselisihan faham di antara pempetisyen dan responden pertama serta ibu responden pertama, pada tahun 2009 pempetisyen telah tinggal berasingan membawa bersama kanak-kanak bernama Andreana hingga kini. Aduan pempetisyen ialah responden pertama dan kedua telah menjalin hubungan intim bermula daripada ketika pempetisyen berkursus di Jepun. Pempetisyen mengemukakan gambar-gambar yang melihatkan responden pertama dan kedua bergambar bersama yang pempetisyen muat turun daripada laman facebook milik rakannya yang "friend" kepada responden kedua. Pempetisyen juga mengatakan responden pertama adalah seorang yang panas baran dan pernah mengasarinya secara fizikal dan juga pernah mengugut pempetisyen dengan sebilah pisau yang dibeli oleh responden pertama. Pempetisyen adalah merupakan bekas seorang ratu cantik di kampusnya. Pempetisyen mengatakan hubungannya dengan ibu responden pertama adalah tidak baik sejak tahun 2003 dan ibu responden pertama pernah mengamalkan amalan bomoh atau "ilmu hitam" untuk dikenakan terhadap pempetisyen. Di atas perkara-perkara yang terjadi di dalam perkahwinannya itu, pempetisyen berpendapat telah tidak munasabah lagi untuk



terus tinggal dengan responden pertama sebagai suami isteri dan dengan itu telah berpindah tinggal berasingan dari responden pertama. Usaha bagi perdamaian oleh Tribunal Perkahwinan telah gagal dan satu sijil telah dikeluarkan oleh Tribunal Perkahwinan mengesahkan usaha bagi perdamaian telah gagal (eksibit "TSE-3" Lampiran 2). Pempetisyen pernah membuat laporan polis terhadap perlakuan keganasan fizikal oleh responden pertama melalui Bandar Baru Rpt. 002444/05 bertarikh 1.10.2005 (eksibit "P5" dan Jelutong Rpt. 003811/10 bertarikh 30.4.2010 (eksibit "P7"). Laporan perubatan oleh Hospital Pulau Pinang ke atas pempetisyen bagi kecederaan pada kejadian bertarikh 1.10.2005 dikemukakan oleh pempetisyen sebagai eksibit "P65" yang melihatkan pempetisyen mengalami "Multiple bruises over body: right arm 4 x 3cm, 1 x 1cm left forearm, bilateral heels 2 x 1cm. Scratch marks over left forearm."

### **Keterangan responden-responden**

[7] Responden pertama (SD1) pula memberi keterangan bagi dirinya. Responden pertama menafikan melakukan perzinahan dengan responden kedua tetapi mengakui

bahawa responden kedua adalah kenalan rapat beliau yang berkerja di bank CIMB yang dikenali dalam urusan pekerjaan beliau sebagai agen hartanah. Responden pertama juga menafikan yang beliau seorang yang panas baran dan menafikan ada mengasari secara fizikal ke atas pempetisyen. Responden memanggil sembilan saksi lain bagi memberi keterangan, iaitu Beh Gaik Lean ibu responden pertama (SD2), Yeoh Huck Cheng rakan sekerja responden pertama (SD3), Beh Gaik Kee ibu saudara responden pertama (SD4), Tan Aik Theng bapa responden pertama (SD5), Alina Farhana Ezzaty binti Abdullah adik perempuan responden pertama (SD6), Ang Cheng Hock sepupu lelaki responden pertama (SD7) dan H'ng Lim Leng pegawai bank CIMB (SD8); Jayna Tang Hui Chin (SD9) iaitu responden kedua dan Charles Wong Yew Seang (SD10) iaitu rakan responden kedua.

[8] Responden kedua memberi keterangan bagi pihak dirinya (SD9). Responden kedua bekerja sebagai Relationship Manager di cawangan bank CIMB Belissa Row, Georgetown. Responden kedua berkenalan dengan pertama semasa responden pertama berurusan dengan bank beliau berkaitan hartanah. Responden kedua menafikan

melakukan perzinahan dengan responden pertama. Responden kedua juga menafikan beliau mendedahkan akaun bank pempetisyen. Responden kedua juga menafikan menceroboh akaun facebook milik pempetisyen bagi menghantar mesej-mesej yang didakwa oleh pempetisyen dilakukan oleh responden kedua (eksibit “P37”, “D12” dan “D15”). Responden kedua menafikan beliau ada hamil semasa menjalin hubungan dengan responden pertama. Responden kedua juga mengatakan walau pun terdapat gambar yang dikatakan beliau dan responden pertama ada bersama, tetapi gambar-gambar tersebut adalah diambil semasa majlis-majlis sosial dan keraian yang dihadiri oleh ramai kenalan dan rakan sekerja yang lain. Responden kedua mengatakan beliau masih belum berkahwin hingga kini dan tidak pernah melahirkan sebarang anak. Responden kedua telah membuat laporan polis terhadap pempetisyen di atas tuduhan yang dibuat terhadapnya berkaitan dakwaan pempetisyen ke atasnya (Pulau Tikus Rpt. 001548/11 bertarikh 21.4.2011 – eksibit “D16”).

[9] Responden pertama di dalam keterangan pemeriksaan balas apabila ditanya oleh pempetisyen mengatakan beliau

tidak mempunyai niat untuk menjadikan responden kedua sebagai isterinya jika perkahwinan ini dibubarkan.

### **Bantahan peguamcara responden**

[10] Peguamcara responden telah membuat bantahan ke atas beberapa keterangan pempetisyen yang diasaskan kepada dengar cakap (hearsay) dan gambar-gambar yang dikemukakan oleh pempetisyen. Mahkamah telah membenarkan keterangan dan gambar-gambar sedemikian diterima masuk tertakluk kepada peruntukan seksyen 136(2) Akta Keterangan 1950 dan sebahagian gambar-gambar tersebut telah ditandakan sebagai dokumen ID sahaja. Oleh kerana tiada keterangan oleh pembuat/tuanpunya dokumen atau gambar-gambar dipanggil oleh pempetisyen sehingga tamat perbicaraan kes, maka gambar-gambar yang dikatakan sebagai melihatkan hubungan intim di antara responden dan teman wanitanya bernama Jayna Tang Hui Chin telah terus kekal sebagai dokumen ID iaitu ID24, ID 25, ID 26, ID28A, ID28B, ID29, ID30, ID31 dan ID31A (Lampiran B) yang bermakna keterangan yang berkaitan dengan gambar-gambar tersebut adalah tidak dipertimbangkan oleh mahkamah ini.

## **Findings dan keputusan mahkamah**

### ***Samada perkahwinan wajar dibubarkan***

[11] Mahkamah telah menimbangkan keterangan oleh saksi-saksi terlibat dan hujahan oleh pihak-pihak. Hujahan oleh pihak-pihak yang telah difailkan ialah penghujahan bertulis pihak pempetisyen bertarikh 8.10.2012; hujahan oleh responden responden bertarikh 8.10.2012; penghujahan balas oleh pempetisyen bertarikh 22.10.2012 dan hujahan balas oleh responden bertarikh 25.10.2012.

[12] Dari yang terdapat adalah jelas bahawa perkahwinan ini telah menjadi pecah belah dan tidak lagi boleh dipulihkan. Keadaan hostiliti di antara pempetisyen dan responden pertama serta ahli keluarga responden pertama khususnya ibu responden pertama (SD2) menjadikan keadaan hubungan perkahwinan tersebut sangat tegang dan tidak mungkin dapat diperbaiki. Kedua-dua pihak juga bersetuju bahawa perkahwinan tersebut telah menjadi pecah belah dan tidak boleh dipulihkan. Mahkamah dengan itu membenarkan prayer (a) oleh pempetisyen bagi perkahwinan ini

dibubarkan dengan *dekri nisi* menjadi mutlak setelah tiga bulan.

### ***Hak jagaan ke atas Andreana Tan Wen Shyn***

[13] Kanak-kanak ini sekarang berumur 13 tahun dan tinggal bersama pempetisyen isteri. Mahkamah membuat perhatian bahawa pada setiap kali kes berjalan, kanak-kanak bernama Andreana ada hadir bersama pempetisyen. Terdapat satu dua gambar yang dikatakan diambil oleh Andreana yang didakwa oleh pempetisyen gambar responden pertama dan kedua tidur bersama, tetapi pempetisyen mengatakan beliau tidak akan memanggil Andreana untuk memberi keterangan bagi mengelakkan kanak-kanak tersebut diletakkan dalam delima. Dari keterangan yang terdapat, mahkamah ini mendapati pempetisyen adalah lebih prihatin terhadap kemajuan pendidikan dan tumbuh besar kanak-kanak tersebut. Ini dapat dilihat dari aktiviti-aktiviti pelajaran dan komuniti yang turut disertai oleh kanak-kanak tersebut yang dikemukakan melalui gambar-gambar dan sijil-sijil penyertaan. Berdasarkan keterangan yang terdapat itu, mahkamah berpendapat adalah berfaedah bagi kebajikan

kanak-kanak ini diberikan hak jagaan kepada pempetisyen. Mahkamah berpendapat kanak-kanak ini akan lebih dapat diuruskan dengan sempurna kebajikan dan pembangunannya oleh pempetisyen sebagai ibu. Mahkamah dapati kanak-kanak mencapai banyak kejayaan akademik dan penyertaan yang aktif dalam aktiviti kemasyarakatan yang dapat membina minda dan pembesaran kanak-kanak sepanjang berada di bawah jagaan pempetisyen (eksibit P43A, P43B, P49, P49B, P49G, P49I, P49J, P49K, P49L, P49M, P50, P51, P52, P53A, P53B, P53C, P53D, P54). Mahkamah berpendapat pempetisyen berupaya membawa kebajikan dan kemajuan yang lebih baik ke atas kanak-kanak dalam pendidikan dan siasah diri kanak-kanak berbanding dengan responden pertama yang lebih kelihatan aktif di dalam “clubbing”. Oleh itu diperintahkan bahawa hak jagaan, kawalan dan pemeliharaan kanak-kanak bernama Andreana diberikan kepada pempetisyen isteri.

### ***Hak lawatan***

[14] Dalam isu hak lawatan, mahkamah berpendapat hak lawatan yang munasabah tanpa bermalam ke atas Andreana Tan Wen Shyn wajar diberikan kepada responden pertama. Pada 4.5.2012 responden pertama telah mendapat kebenaran interim mahkamah bagi hak lawatan ke atas kanak-kanak tersebut diberikan seminggu sekali pada hujung minggu dari pukul 9.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Gurney Plaza. Mahkamah berpendapat lawatan tersebut wajar dikekalkan kecuali kedua-dua pihak bersetuju mengubahnya kepada satu masa dan tempat yang lebih sesuai. Di dalam mengekalkan hak lawatan ini mahkamah berpendapat adalah berfaedah kanak-kanak akan terus dapat berhubungan dengan bapa kandungnya (responden pertama) demi pembangunan siasah atau psikologi kanak-kanak tersebut.

### **Nafkah kanak-kanak Andreana Tan Wen Shyn**

[15] Di bawah seksyen 93 Akta Undang-Undang Membaharui (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 mahkamah diberi kuasa bagi memerintahkan seseorang



bapa membayar nafkah anak-anak perkahwinan. Ketika ini responden membayar secara sukarela nafkah kanak-kanak Andreana Tan Wen Shyn sebanyak RM800.00. Pempetisyen menuntut nafkah kanak-kanak sebanyak RM1,000.00. Pempetisyen mengemukakan bil-bil bayaran berkaitan perbelanjaan yang melibatkan kanak-kanak tersebut seperti yang terdapat dalam item bil-bil eksibit P15, P16, P17, P18 dan P19 (muka surat 24-28 Lampiran A/Lampiran 17). Mahkamah bersetuju bahawa nafkah RM1,000.00 yang dituntut itu adalah munasabah dengan mengambil kira umur kanak-kanak yang sekarang berumur lebih kurang 13 tahun 4 bulan dan keperluan perbelanjaan kanak-kanak. Responden pertama tidak mencabar ke atas keterangan tersebut sebagai suatu perbelanjaan yang berlebihan atau tidak perlu dibuat. Oleh itu mahkamah menerima keterangan pempetisyen tersebut dalam perkara ini. Responden mempunyai pendapatan bulanan sekitar RM5,000 sebulan dan mendapat 1% komisyen dari hartanah yang berjaya dijual/disewakan. Oleh itu mahkamah berpendapat responden pertama mampu bagi menanggung nafkah kanak-kanak tersebut. Responden pertama dengan ini diperintahkan membayar RM1,000.00 sebulan untuk nafkah kanak-kanak bernama Andreana Tan Wen Shyn

mulai daripada tarikh perintah ini dan bayaran tersebut dibayar sebelum 7 haribulan setiap bulan dengan dimasukkan ke dalam akaun pempetisyen isteri di nombor akaun yang sedia diberikan.

### ***Kos bagi pendidikan Andreana Tan Wen Shyn***

[16] Mahkamah berpendapat pempetisyen isteri dan responden pertama wajar secara bersama (jointly) bagi menanggung pada kadar sama rata (50:50) kos pendidikan Andreana Tan Wen Shyn sehingga kanak-kanak mendapat ijazah pertama seperti fi tuisyen, perkakasan persekolahan dan yuran-yuran persekolahan/pengajian kanak-kanak. Ini adalah kerana pempetisyen juga mempunyai pekerjaan dan pendapatan yang memuaskan. Oleh itu mahkamah memerintahkan responden pertama membayar 50% yuran dan fi tuisyen/pendidikan kanak-kanak dan kos perkakasan pembelajaran kanak-kanak tersebut mengikut bil/invois atau resit bagi pembayaran semula (reimbursement) yang dikemukakan oleh pempetisyen isteri berkaitan dengan perkara tersebut sehingga keperingkat kanak-kanak mendapat ijazah pertama.

***Tuntutan kembali wang RM5,000***

[17] Mahkamah mendapati tidak terdapat keterangan yang mencukupi bagi tuntutan ini yang dikatakan sebagai pinjaman peribadi oleh pempetisyen kepada responden. Oleh itu mahkamah menolak tuntutan petyisyen ke atas jumlah tersebut yang tidak nyata dan ianya gagal dibuktikan.

***Rumah matrimonial No. 1-13A-7, Lintang Lembah Permai 4, Tanjung Bungah, Pulau Pinang***

[18] Peguamcara responden pertama menghujahkan rumah ini dibeli oleh responden pertama setelah responden pertama dan pempetisyen tinggal berasingan dan oleh itu hartanah ini tidak boleh terjumlah kepada maksud harta perkahwinan di bawah seksyen 76 Akta Undang-Undang Membaharui (Perkahwinan dan Penceraian) 1976. Peguamcara menghujahkan pempetisyen tidak memberikan apa-apa sumbangan kewangan dalam pembelian dan pembiayaan hartanah tersebut.

[19] Mahkamah melihat isu berkaitan hartanah ini secara totality. Pempetisyen dan responden telah berkahwin sejak

6.1.1999. Hartanah ini dibeli pada bulan Disember 2009 iaitu kira-kira 10 tahun selepas tarikh perkahwinan. Ini adalah rumah pertama yang dibeli sepanjang tempoh perkahwinan mereka. Keterangan melihatkan responden pertama biasa membawa kanak-kanak perkahwinan pulang ke rumah ini. Sepanjang perkahwinan mereka responden pertama tidak ada memberi nafkah kepada pempetisyen. Ini bermakna responden pertama telah mendapat faedah kewangan daripada pempetisyen sebagai isterinya dengan tidak membayar sebarang nafkah ke atas pempetisyen. Faedah kewangan tersebut yang tidak perlu membayar papa-apa nafkah kepada pempetisyen juga telah membolehkan pempetisyen mempunyai kemampuan kewangan yang membolehkannya aktif dalam “clubbing”. Ini dapat dilihat dari banyak gambar-gambar aktiviti “clubbing” responden pertama yang telah dikemukakan oleh pempetisyen. Maka yang demikian mahkamah berpendapat sumbangan pempetisyen kepada responden pertama adalah apabila responden pertama tidak memberikan sebarang nafkah kepada pempetisyen hasil daripada pendapatannya sebagai seorang agen hartanah yang melebihi daripada RM5,000 sebulan. Rumah tersebut telah dibeli dengan harga RM78,000.00. Memandangkan hartanah ini dibeli kali

pertama oleh responden pertama ketika masih di dalam perkahwinan maka mahkamah berpendapat rumah ini wajar disifatkan sebagai “matrimonial property”, atau sekurang-kurangnya ianya masih merupakan “matrimonial asset”, maka mahkamah memutuskan pempetisyen sewajarnya mempunyai hak ke atasnya sebagai rumah matrimonial atau harta perkahwinan tersebut dan ianya tergolong di bawah seksyen 76 Akta. Mahkamah dengan ini membenarkan kepentingan bahagian pempetisyen ke atas rumah ini setakat  $\frac{1}{4}$  bahagian ke atas nilai rumah tersebut. Mahkamah memerintahkan untuk responden membayar nilai rumah ini setakat nilai  $\frac{1}{4}$  bahagian berdasarkan nilai harga pasaran semasa kepada pempetisyen dalam masa 6 bulan daripada tarikh perintah ini. Jika gagal maka pempetisyen diberikan kebebasan untuk membuat permohonan lanjut kepada mahkamah bagi penjualan hartanah tersebut melalui kuasa yang diberikan kepada Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi bagi penyempurnakan dokumen-dokumen berkaitan dengannya.

### ***Tuntutan di Lampiran E***

[20] Mahkamah menolak tuntutan tambahan yang difailkan oleh pempetisyen di Lampiran E berkaitan pembayaran balik tiket penerbangan kanak-kanak bernama Andreana. Tidak terdapat apa-apa perjanjian atau akujanji bahawa responden pertama adalah bertanggungjawab bagi membayar tiket penerbangan kanak-kanak Andreana Tan Wen Shyn bagi penerbangan ke Australia serta Jepun tersebut bagi menyertai pempetisyen yang berkursus disana.

### ***Isu perlakuan perzinahan (adultery) responden pertama dan kedua***

[21] Di perenggan 10 petisyen (Lampiran 1), pempetisyen telah memberikan empat butiran yang didakwa sebagai butir-butir perlakuan perzinahan yang berlaku di antara responden pertama dan responden kedua Jayna Tang Hui Chin. Responden mengemukakan gambar-gambar yang melihatkan responden pertama dan responden kedua yang dimuat turun daripada facebook account milik rakan pempetisyen (Lampiran B). Pempetisyen juga mengatakan responden kedua telah membantu responden pertama

mendapatkan status akaun simpanan milik pempetisyen. Pempetisyen juga membawa keterangan bahawa responden kedua selama beberapa bulan tinggal di rumah responden pertama di No. 1-13A-7, Lintang Lembah Permai 4, Tangjung Bungah, Pulau Pinang. Di dalam perkara ini, mahkamah berpendapat walau pun terdapat syak wasangka yang kuat ke atasnya, tetapi mahkamah tidak boleh membuat keputusan dan kesimpulan berlakunya perzinahan berdasarkan kepada syak wasangka. Pertuduhan perzinahan perlu dibuktikan tanpa keraguan yang munasabah (*Chong Yee Fong v Ooi Seng Keat; Chua Chong Hong (Joint Respondent)* [2006] 5 CLJ 144; *Shanmugam v Pitchamany & Anor* [1976] 2 MLJ 222; *Kang Ka Heng v Ng Mooi Tee & Anor* [2001] 2 CLJ 578; *Shudesh Kumar a/l Moti Ram v Kamlesh a/p Mangal Sain Kapoor* [2005] 5 MLJ 82). Di dalam perkara ini mahkamah berpendapat gambar-gambar yang dikemukakan oleh pempetisyen yang dimuat turun daripada laman facebook yang bukan milik pempetisyen sendiri adalah tergolong di bawah kaedah dengar cakap atau hearsay. Oleh itu mahkamah tidak boleh memberi nilai berat ke atas keterangan berkaitan perzinahan yang hanya berdasarkan kepada kaedah keterangan hearsay tersebut. Seperti yang

mahkamah ini telah menyatakan di awal penghakiman ini, pada peringkat awal keterangan pempetisyen, peguamcara yang bijaksana bagi pihak responden pertama telah mengemukakan bantahan terhadap pegemukaan keterangan yang bersifat dengar cakap (hearsay). Mahkamah telah membenarkan keterangan sedemikian dikemukakan tertakluk kepada pematuhan ke atas seksyen 136(2) Akta Keterangan 1950 untuk bukti sokongan atau keterangan yang admissible dibawa oleh pempetisyen. Oleh kerana pempetisyen tidak membawa keterangan sokongan yang diperlukan bagi membuktikan dokumen gambar-gambar yang dikemukakan atau fakta berkaitannya, maka keterangan pempetisyen tentang perzinahan melalui gambar-gambar yang dimuat turun tersebut dari akaun facebook yang bukan miliknya adalah diasaskan kepada keterangan hearsay yang gagal disokong dengan bukti yang admissible. Oleh yang demikian gambar-gambar ID24, ID25, ID26, ID28A, ID28B, ID29, ID30, ID31 dan ID 31A di Lampiran B yang dikatakan sebagai gambar-gambar yang dapat melihatkan responden pertama dan responden kedua bergambar bersama terus kekal sebagai dokumen ID (identification document) yang tidak boleh dipertimbangkan oleh mahkamah sebagai keterangan yang admissible



*(Joseph Thambirajah v Bank Buruh (M) Bhd (now known as BSN Commercial Bank (M) Bhd) [2008] 2 MLJ CA).* Mahkamah juga tidak dapat memberi nilai berat ke atas dakwaan pempetisyen bahawa responden kedua telah mendedahkan maklumat berkaitan akaun pempetisyen kepada responden pertama di atas alasan siasatan dalaman yang telah dibuat oleh pihak bank CIMB iaitu majikan responden kedua tidak mendapati responden kedua melakukan apa-apa kesalahan seperti yang didakwa itu. Pegawai bank CIMB bernama En. H'ng Lim Peng (SD8) telah hadir memberi keterangan dan mengesahkan responden kedua tidak didapati melakukan sebarang salah laku berkaitan akaun pempetisyen. Pempetisyen juga mendakwa bahawa responden kedua hamil kerana gambar melihatkan badan responden kedua menjadi "gemuk" dan seperti memakai baju orang mengandung. Bagaimana pun responden kedua Jayna Tang Hui Chin yang hadir memberi keterangan bagi dirinya (SD9) telah menafikan yang beliau hamil dan mengatakan memang bentuk badan beliau agak gemuk. Responden kedua juga mengatakan sehingga sekarang beliau masih belum berkahwin dan beliau juga tidak mempunyai sebarang anak. Oleh itu dakwaan pempetisyen tentang "kehamilan" responden kedua telah

disangkal oleh responden kedua sendiri. Tiada keterangan lain oleh pempetisyen yang dapat menolak keterangan responden kedua tersebut. Pempetisyen juga mendakwa bahawa perlakuan perzinahan tersebut diakui berlaku dan diberitahu oleh kakak responden pertama kepada pempetisyen. Bagaimana pun mahkamah mendapati pengakuan yang didakwa itu hanya bersifat dengar cakap (hearsay) tanpa kakak responden pertama yang dimaksudkan itu dipanggil bagi memberi keterangan. Beban mengemukakan keterangan ini adalah di atas pempetisyen dan bukannya di atas responden-responden. Tanggungan responden-responden bagi membawa keterangan penyangkalan hanya dikehendaki setelah pempetisyen berjaya membuktikan kesnya atau dengan kata lain “the burden of proof is throughout on the person alleging adultery, there being a presumption of innocence” (*Rayden on Divorce, 12<sup>th</sup> edition page 103*). Seperti yang mahkamah ini nyatakan di awal tadi, tahap beban pembuktian bagi perzinahan hendaklah dibuktikan tanpa apa-apa keraguan yang munasabah. Mahkamah dapati keterangan yang ada tidak memuaskan untuk beban tersebut telah berjaya dibuktikan oleh pempetisyen bagi dakwaan perzinahan tersebut.

[22] Di atas huraian dan alasan-alasan tersebut, mahkamah mendapati tidak terdapat bukti perzinahan ke atas responden kedua dan dengan itu tuntutan ke atas responden kedua berkaitan ganti rugi bagi perzinahan (adultery) ditolak.

### ***Kos prosiding***

[23] Akhirnya diperintahkan masing-masing pihak membayar kos masing-masing.

### **Kesimpulan**

[24] Kesimpulannya, mahkamah membuat perintah-perintah berikut:

- (a) perkahwinan ini dibubarkan; *dekri nisi* akan menjadi mutlak selepas tiga bulan;
- (b) hak jagaan, kawalan dan penjagaan ke atas kanak-kanak bernama Andreana Tan Wen Shyn diberikan kepada pempetisyen isteri;

- (c) hak lawatan ke atas kanak-kanak bernama Andreana Tan Wen Shyn diberikan kepada responden pertama seminggu sekali pada hujung minggu dari pukul 9.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Gurney Plaza, Pulau Pinang;
- (d) responden pertama diperintahkan membayar RM1,000.00 sebulan untuk nafkah kanak-kanak bernama Andreana Tan Wen Shyn mulai daripada tarikh perintah ini dan bayaran tersebut dibayar sebelum 7 haribulan setiap bulan dengan dimasukkan ke dalam akaun pempetisyen isteri di nombor akaun yang sedia diberikan;
- (e) pempetisyen isteri dan responden pertama secara bersama (jointly) menanggung pada kadar sama rata (50:50) kos pendidikan Andreana Tan Wen Shyn sehingga kanak-kanak mendapat ijazah pertama seperti fi tuisyen, perkakasan persekolahan dan yuran-yuran persekolahan/pengajian kanak-kanak;

- (f) tuntutan kembali oleh pempetisyen bagi wang pinjaman RM5,000 ditolak;
- (g) mahkamah membenarkan bahagian kepentingan pempetisyen ke atas rumah No. 1-13A-7, Lintang Lembah Permai 4, Tanjung Bungah pada setakat  $\frac{1}{4}$  bahagian ke atas nilai rumah tersebut. Mahkamah memerintahkan untuk responden pertama membayar nilai rumah ini setakat nilai  $\frac{1}{4}$  bahagian berdasarkan nilai harga pasaran semasa kepada pempetisyen dalam masa 6 bulan daripada tarikh perintah ini. Jika gagal maka pempetisyen diberikan kebebasan untuk membuat permohonan lanjut kepada mahkamah bagi penjualan hartanah tersebut melalui kuasa yang diberikan kepada Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi bagi penyempurnakan dokumen-dokumen berkaitan dengannya;
- (h) tuntutan balik bagi kos tiket penerbangan kanak-kanak bernama Andreana ditolak;

- (i) tuntutan pempetisyen ke atas responden kedua bagi gantirugi perzinahan ditolak;
- (j) masing-masing pihak membayar kos masing-masing.

Bertarikh 5 November 2012

t.t.

**(DATUK YAACOB BIN HAJI MD.SAM)**

Hakim

Mahkamah Tinggi Malaya

Pulau Pinang

*Peguamcara bagi pihak pempetisyen:*

Tan Swee Ean (bertindak bagi pihak diri sendiri)

*Peguamcara bagi pihak responden pertama dan kedua:*

Nicholas Tan Soon Teik

Gan Ai Leng

(Tetuan Lim Huck Aik & Co.)